

Dalam Negeri

Kerakyatan, permit pemohon ditarik balik jika rasuah

KDN beri amaran tegas


Oleh HASHNAN ABDULLAH
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 15 Julai – Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menyenarai hitam dan menarik balik kelulusan permohonan kerakyatan, permit masuk serta siji kelahiran pemohon yang didapati mengamalkan rasuah.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau tidak mahu usaha murni KDN menyejatkan kelulusan setiap permohonan itu diperalatkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tegasnya, ia juga sejajar dengan matlamat KDN sendiri yang tidak mahu isu itu memberi kesan negatif kepada pembangunan bangsa serta negara.

“Kalau kita kenal pasti mereka (pemohon) telah merasuah pegawai saya dan ejen-ejen tertentu, permohonan yang telah diluluskan akan ditarik balik manakala nama mereka akan di-



HISHAMUDDIN Tun Hussein menunjukkan sebahagian daripada kotak fail permohonan IPN dan permit masuk sambil dinerhatikan oleh Ketua Setiausaha KDN

Dalam hal ini, beliau menolak sekeras-kerasnya dakwaan setengah pihak bahawa KDN ada melantik ejen bagi menguruskan permohonan tersebut.

“Jangan sesekali terpedaya dengan modus operandi ejen-ejen palsu yang hanya mengambil peluang dan kesempatan.

“Difahamkan ada ejen mengenakan bayaran perkhidmatan antara RM5,000 hingga RM10,000 bagi setiap permohonan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, KDN sedang mengenal pasti pendekatan yang sesuai untuk menyelesaikan isu berkaitan pekerja asing, pembantu rumah dan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Untuk itu, katanya, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Tanpa Izin akan bermesyuarat pada Jumaat ini bagi membincangkan perkara itu.

Semak

16/7/2009

Ibrahim Ishak
Bahagian Khidmat Pengurusan
Kementerian Dalam Negeri
Malaysia

KHAMIS 16 JULAI 2009 / 23 REJAB 1430

BIL 169 TAHUN KE-44 PP362/12/2009 (023000)

PENYEBAR FIKIRAN RAKYAT

Utusan